



CIAS

**M E M O**

**PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAS)  
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**RUJUKAN** : PLPKL/SA/10/182 ( 25 )

**TARIKH** : 29 Mac 2010

<b>TAJUK</b>	<b>ARAHAN PENGURUSAN CIAS BIL 8 TAHUN 2010 PELAKSANAAN PENGGUNAAN MyID PADA SEMUA APLIKASI SISTEM</b>	
<b>DARIPADA</b>	Pengarah CIAS	
<b>KEPADA</b>	Timbalan-Timbalan Pengarah, Ketua Bahagian/Ketua-Ketua Program	<b>SALINAN:</b> Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran

**1. TUJUAN**

Menyelaras tindakan pelaksanaan MyID sebagai rujukan tunggal bagi semua aplikasi sistem yang melibatkan pengguna awam.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian Sumber Manusia (JPIC) Bil 1/2010 yang dipengerusikan oleh Y.Bhg Ketua Setiausaha Kementerian telah mewajibkan supaya semua aplikasi sistem yang melibatkan pengguna awam (aplikasi sistem semasa / yang akan dibangunkan) hendaklah menggunakan MyID sebagai nombor rujukan tunggal.
- 2.2. Penggunaan MyID dalam semua sistem aplikasi adalah antara inisiatif Kerajaan bagi memudahkan pengguna berurusan dengan agensi Kerajaan. Pengguna tidak perlu mengingati pelbagai nombor untuk mengakses sistem.

**3. ARAHAN**

Selaras dengan keputusan diatas, semua Timbalan Pengarah, Ketua Bahagian/Program hendaklah memastikan aplikasi sistem sediaada atau yang akan dibangunkan kelak khususnya yang melibatkan pengguna awam hendaklah menggunakan nombor kad pengenalan(MyID) sebagai nombor rujukan tunggal bagi sistem berkenaan.

**4. TARIKH KUATKUASA**

Arahan ini berkuatkuasa **serta merta**.

**5. PENUTUP**

Kerjasama pihak tuan diperlukan bagi memastikan perkara ini dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

**Berkhidmat Untuk Negara**

**"Kerana Mu Malaysia Maju"**



**(GHAZLAN BIN GHAZALI)**